

PM: KITA PERLU TINGKATKAN LAGI KEUPAYAAN

■ DARI MUKA 1

Perdana Menteri juga mengingatkan, alangkah ruginya jika terdapat di antara rakyat negara ini yang tidak mensyukuri nikmat ini sebaliknya berusaha memburukkan negara sendiri dan merobohkan peradaban yang dibina sekian lama.

Bagaimanapun, tambah Perdana Menteri, rasa kesyukuran ini mestilah diikuti dengan usaha-usaha ke arah mengukuh dan menguatkan negara ini agar dihormati oleh orang lain.

"Untuk ini, kita perlu berusaha, perlu bekerja dan perlu meningkatkan lagi keupayaan kita, bukan kerana kepentingan diri tetapi kerana negara dan bangsa," katanya.

Sebelum itu, Menteri Kebudayaan Bella dan

Sukan, Dafuk Mokhtai Hashim berkata, kerajaan akan sentiasa berusaha untuk menerapkan kesedaran kepada rakyat dan tanggungjawab bersama bagi mewujudkan rasa kasihkan tanahair.

Beliau berharap, melalui berbagai rancangan yang diadakan oleh Kementeriannya, seperti kepimpinan beliau dan projek-projek sosio-ekonomi, hubungan antara rakyat dan kerajaan menjadi lebih erat lagi.

Pameran "Malaysia Kesayanganku" dibuka untuk orang ramai mulai hari ini hingga penghujung bulan April.

Berbagai agensi kerajaan seperti Petronas, RISDA dan lain-lain menyertai pameran tersebut untuk memamerkan kemajuan berbagai rancangan kerajaan untuk rakyat.

CINTA NUSA KITA KUKUH

Dr. M: Bahaya jika semangat tandus



DATUK SERI DR. MAHATHIR

KUALA LUMPUR, Rabu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan rakyat betapa pentingnya rasa cintakan tanahair kerana ia menjamin kekukuhan dan keutuhan sesebuah negara.

Pembangunan yang pesat, katanya, tidak memberi apa-apa makna sekiranya rakyat miskin dan tandus dari segi semangat dan rasa kasihkan tanahair.

"Hubul Watan-Minal Iman atau kasihkan tanahair sebahagian dari iman, demikianlah sebuah Hadis junjungan kita Nabi Muhamad s. a. w menegaskan pentingnya rasa cintakan tanahair," ujarnya.

Perdana Menteri melahirkan rasa khuatirnya jika semangat cintakan tanahair ini tidak sentiasa dipupuk, ia akan menjadi begitu lemah biagakan "kita menjadi bangsa yang dikuasai oleh kepentingan peribadi semua mela."

"Sudah tentu ini akan membawa kepada kehancuran negara," ujarnya.

Berucap merasmikan pameran "Malaysia Kesayanganku" di Muzium Negara hari ini, Datuk Seri Dr. Mahathir mengingatkan rakyat kepada peristiwa yang berlaku di Afghanistan yang rakyatnya cintakan negaranya mereka sanggup berkorban merobohkan kembali negara mereka.

Perdana Menteri selanjutnya menegaskan rakyat harus bersyukur kerana dilahirkan di negara ini, menjadi rakyat negeri ini dan berteduh mencari rezeki di negara ini.

"Walaupun tidak ada tempat di dunia ini yang baik seratus peratus, namun Malaysia dilimpahi nikmat dan rezeki yang tidak ada bandingnya."

"Sekiranya ini diremungi dengan imaf, akan timbulah rasa haus yang begitu mengherai segala-galanya yang ada pada kita di Malaysia," ujarnya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia